

K B149 AAB  
MAHATHIR - PENGGANTI  
(EMBARGO: UNTUK SIARAN SELEPAS 6 PETANG INI)  
=====

I

KUALA LUMPUR, 28 DIS (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENGGESA PARA ANGGOTA UMNO SUPAYA MEMATUHI TRADISI PARTI DALAM PEMILIHAN PENGGANTINYA PADA PEMILIHAN MASA DEPAN DEMI UNTUK MEMASTIKAN PERPADUAN DALAM PARTI.

SAMBIL MENGATAKAN BAHAWA SELEPAS BELIAU, ENCIK GHAFAR BABA AKAN MENGAMBIL ALIH PUCUK PIMPINAN PARTI DAN KERAJAAN, PERDANA MENTERI BERKATA BAHAWA JIKA ENCIK GHAFAR HARUS MEMPUNYAI SEORANG PENGGANTI, ITU TERSERAH KESELURUHANNYA KEPADA BELIAU (ENCIK GHAFAR).

DATUK SERI DR MAHATHIR BAGAIMANAPUN MENEKANKAN BAHAWA BAGI DIRINYA BELIAU LEBIH SUKA AGAR UMNO SENDIRI MEMBUAT KEPUTUSAN MENGENAINYA.

+SEPERTI YANG SAUDARA TAHU SEMASA SAYA MENJADI PERDANA MENTERI (DALAM TAHUN 1981) SAYA TIDAK MELANTIK TIMBALAN SAYA. SAYA MENUNGGU SEHINGGA PERHIMPUNAN AGUNG UMNO DALAM USAHA UNTUK MEMILIH TIMBALAN PRESIDEN UMNO,+ KATA BELIAU DALAM WAWANCARA AKHIR TAHUN DENGAN PARA EDITOR MEDIA TEMPATAN DI PEJABATNYA DI SINI.

+DAN TIMBALAN PRESIDEN (DATUK MUSA HITAM) MENJADI TIMBALAN PERDANA MENTERI. SAYA INGIN AGAR PERKARA ITU MENGIKUT CARA TERSEBUT. SAYA TIDAK SUKA MEMAKSA KEINGINAN SAYA KE ATAS PARTI DAN NEGARA,+ KATANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR YANG JUGA PRESIDEN UMNO BERKATA, PERCUBAAN UNTUK MENUKAR PUCUK PIMPINAN PADA 1987 IALAH YANG PALING MEROSAKKAN DAN MENAMBAH KATA BAHAWA BELIAU TELAH MENGATAKAN DEMIKIAN SEBELUM PEMILIHAN (ANTARA TENGGU RAZALEIGH HAMZAH DAN BELIAU) ITU BERLAKU KERANA IA TELAH TERKELUAR DARIPADA TRADISI UMNO. -- LAGI.  
1633MST 28 12 89

D118

R B150 AAB  
MAHATHIR - PENGGANTI 2 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

+SAYA SENTIASA PERCAYA BAHAWA KITA HENDAKLAH MENGIKUT TRADISI DAN KITA TIDAK MENCABAR PEMIMPIN TERATAS KERANA JELAS JIKA KITA BERBUAT DEMIKIAN MAKA PARTI AKAN BERPECAH BELAH,+ KATANYA.

+AKIBAT CABARAN ITU PARA PENYOKONG CALON YANG TEWAS TIDAK BOLEH BERSATU SEMULA DENGAN PENYOKONG CALON YANG MENANG,+ KATANYA.

+JIKA SAYA TEWAS DALAM PEMILIHAN ITU, SAYA YAKIN PARTI AKAN MENGALAMI MASALAH YANG SERUPA,+ KATANYA DAN MENAMBAH KATA BAHAWA +KECUALI APA YANG PASTI IALAH SAYA TIDAK FIKIR BAHAWA MEREKA AKAN KE MAHKAMAH. TETAPI TIDAK AKAN WUJUD LAGI PERPADUAN DALAM PARTI,+ KATANYA.

BELIAU BERKATA, USAHA UNTUK MENUKAR PUCUK PIMPINAN PARTI DALAM TAHUN 1987 MERUPAKAN PERISTIWA YANG PALING MEROSAKKAN DALAM SEJARAH PARTI ITU MEMANDANGKAN IA TELAH MENYIMPANG JAUH DARIPADA AMALAN PARTI.

+SEDANG SESEORANG BERCAKAP MENGENAI DEMOKRASI TETAPI DEMOKRASI HENDAKLAH DIAMALKAN JUGA MENURUT TRADISI DEMOKRASI YANG ADA,+ KATANYA.

DENGAN MENYATAKAN BAHAWA DEMOKRASI TULEN +TIDAK BOLEH BERJAYA,+ BELIAU MENAMBAH KATA: SEMATA-MATA KERANA SESEORANG ITU BOLEH BERTANDING MAKA SEBAB ITU KITA BERTANDING... IA TIDAK AKAN BERJAYA.+

BELIAU BERKATA, MISALANNYA TERDAPAT 100 ATAU 200 ORANG YANG BERTANDING YANG TURUT MEMPUNYAI PARA PENYOKONGNYA SENDIRI MAKA PARTI ITU AKAN BERPECAH KEPADA 100 ATAU LEBIH DARIPADA ITU ATAU KEPADA PARTI YANG LEBIH KECIL.

INI DEMOKRATIK TETAPI ADAKAH IA AKAN MENDATANGKAN HASIL YANG BAIK, TANYA BELIAU? -- LAGI.  
1640MST 28 12 89

D119

R B151 AAB  
MAHATHIR - PENGGANTI 3 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, SISTEM DUA PARTI SAMA DEMOKRATIKNYA DENGAN SISTEM PELBAGAI PARTI DAN DALAM SISTEM SATU PARTIPUN DI MANA DEMOKRASI (DIAMALKAN) DALAM PARTI, MASIH DEMOKRATIK.

+OLEH YANG DEMIKIAN DEMOKRASI KADANG KALA DITAFSIRKAN OLEH SEMUA ORANG SEBAGAI BERMAKNA MENGIKUTI PRINSIP DEMOKRATIK TANPA MENGAMBIL KIRA TENTANG TRADISI,+ KATANYA.

SAMBIL MENGATAKAN BAHAWA TRADISI PENTING, BELIAU BERKATA:  
+ITULAH SEBABNYA SAYA KERAP KALI MENGATAKAN TIDAK HARUS ADA PERTANDINGAN.+

BELIAU BERKATA, SELEPAS DATUK MUSA MEMENANGI JAWATAN TIMBALAN PRESIDEN UMNO PADA 1981 DAN PADA 1984 BELIAU DENGAN SECARA TERBUKA TELAH MENGATAKAN BAHAWA TIDAK HARUS ADA PERTANDINGAN DENGAN DATUK MUSA KERANA IA HANYA AKAN MENGAKIBATKAN PERPECAHAN.

TRADISI UMNO IALAH PARA ANGGOTA MEMILIH ORANG YANG AKAN MENJAWAT JAWATAN KEDUA DAN SETELAH MEMILIHNYA, MEREKA TIDAK AKAN MENYOALNYA LAGI.

+APABILA DIA MENGAMBIL ALIH PUCUK PIMPINAN DIA AKAN MENDAPAT SOKONGAN BULAT DAN BUKAN SOKONGAN YANG BERPECAH-PECAH.+ -- BERNAMA.  
1642MST 28 12 89